

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan mengapakah Tenaga Nasional Berhad tidak memberikan diskaun bil TNB yang adil dan selaras untuk pelbagai peringkat pengguna semasa tempoh PKP kerana setiap pengguna terjejas teruk oleh pandemik COVID-19 dengan kenaikan 50 peratus bil bulanan TNB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertama sekali, pemberian diskaun bil elektrik adalah diberikan oleh Kerajaan melalui dana Kumpulan Wang Industri Elektrik, peruntukan Kementerian Kewangan dan Tenaga Nasional Berhad. Diskaun bil elektrik TNB oleh Kerajaan ini diberikan dalam usaha mengurangkan kesan negatif terhadap ekonomi negara akibat penularan wabak COVID-19.
2. Dalam hal ini, Kerajaan telah berusaha untuk memastikan setiap pengguna menerima manfaat daripada pemberian pakej diskaun bil elektrik ini dan tiada pihak yang tertinggal melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 2020) pada 27 Februari 2020, penambahbaikan PRE pada 16 Mac 2020, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac 2020 dan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) pada 20 Jun 2020. Jumlah keseluruhan diskaun yang telah diberikan kepada 10.5 juta pengguna (Semenanjung, Sabah dan Sarawak) dari April 2020 hingga Disember 2020 ialah RM2.6 bilion. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju melanjutkan pemberian diskaun bil elektrik sedia ada sehingga 31 Disember 2020 kepada semua pengguna domestik. Sekian, terima kasih.